

12/12/1999

MB Kelantan yakin keupayaan Kabinet

KOTA BHARU: Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yakin barisan Kabinet baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin mampu melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin untuk negara.

Beliau berkata, walaupun tidak ada wakil dari Kelantan menduduki Kabinet baru itu, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri boleh menjalankan kerjasama erat untuk kebaikan rakyat.

"Tidak ada sebab hanya kerana tidak ada wakil (menteri) dari Kelantan, kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri tidak boleh dijalankan dengan erat," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas Kabinet baru Perdana Menteri yang diumumkan kelmarin, tidak mempunyai seorang pun wakil dari Terengganu dan Kelantan, yang kini dikuasai Pas.

Menurutnya, ketiadaan wakil dari Kelantan itu juga membuktikan Kerajaan Pusat mengiktiraf kerajaan negeri dan menghormati pilihan raya apabila rakyat memilih Pas untuk menerajui negeri itu.

"Adalah tidak wajar Kerajaan Pusat atas dasar mengamalkan demokrasi hendak menghukum rakyat negeri ini kerana menolak Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu.

"Negeri ini juga berada dalam negara Malaysia, manakala kemenangan Pas kerana pilihan rakyat," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata Kerajaan Pusat boleh menyalurkan peruntukan dan bantuan kepada kerajaan negeri melalui pegawai khas seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

(END)